


Alkitab untuk Anak-anak memperkenalkan



Daud Sang Raja (Bahagian 2)



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: Lazarus
Alastair Paterson

Disadur oleh: Ruth Klassen

Diterjemahkan oleh: Julie TY


Dihasilkan oleh: Bible for Children
www.M1914.org

©2024 Bible for Children, Inc.
Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau
mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.

Daud menjadi raja atas Yehuda, di selatan Israel.

Tetapi orang Israel
yang lain mengambil
Isyboset, anak Saul,
sebagai raja.
Perang saudara
berlangsung
berterusan
selama tujuh
tahun.

Tetapi Daud
menjadi lebih
kuat dan
lebih kuat.



Pada akhirnya raja Isyboset dibunuh oleh dua orang tentaranya sendiri.




3

Kemudian semua suku Israel datang kepada Daud dan mengurapi dia sebagai raja atas Israel. Akhirnya, Daud menjadi raja atas seluruh bangsa.




4

Perkara pertama yang dilakukan oleh Raja Daud ialah menawan Yerusalem. Lalu ia dikenali sebagai Kota Daud. Dia membinanya semula sebagai kubu kuat melawan musuh. Dari Yerusalem, tentera Daud bertolak untuk menakluki orang Filistin dan musuh Bangsa Israel yang lain.



5


Seterusnya, Raja Daud membawa Tabut Tuhan ke Yerusalem. Tabut Tuhan



mengandungi salinan sepuluh hukum dan perintah lain yang diberikan kepada Musa oleh Tuhan. Tabut itu mengingatkan Bangsa Israel tentang kekudusan Tuhan dan keperluan mereka untuk mematuhi Dia.

6

Daud terpaksa bertarung dalam banyak peperangan di awal tahun-tahun pemerintahannya. Dia seorang tentera yang bijak dan seorang yang rendah hati yang selalu berdoa memohon petunjuk dari Tuhan.




7

Daud merasa terganggu bahawa dia mempunyai rumah yang baik untuk didiami manakala tabut Tuhan masih lagi kekal di dalam khemah. Daud memutuskan untuk membina sebuah bait Tuhan.



Natan, seorang nabi Tuhan, berkata kepadanya untuk memulakannya.

8



Pada malam itu, Tuhan mengirim satu pesanan kepada Daud: "Hamba-Ku Daud, TUHAN akan mengangkatmu menjadi satu rumah.

Apabila umurmu sudah genap dan engkau akan pergi bersama nenek moyangmu, Aku akan mengangkat anakmu menjadi raja. Dia akan membangun sebuah rumah atas nama-Ku dan Aku akan menegakkan takhta kerajaannya untuk selama-lamanya."


9

Daud ingin membantu keluarga Saul yang masih hidup. Dia hanya menjumpai anak Yonatan, Mefiboset, yang lumpuh. "Dia akan makan di mejaku seperti salah seorang anak raja," kata Daud. Daud bersikap baik kepada Mefiboset kerana Yonatan adalah sahabatnya.




10

Selagi Daud mempercayai Tuhan dan mentaati-Nya, Tuhan akan menolong Daud supaya dia berhasil. Tetapi pada suatu hari, satu bayangan yang mengerikan menimpa kehidupan Daud. Dia menghantar tenteranya untuk berperang, sementara dia tinggal di Yerusalem.




11

Dan diwaktu malam, dia tidak dapat tidur. Jadi dia berjalan di atas bumbungnya sambil melihat ke luar bandar.



12

Daud melihat seorang wanita cantik sedang mandi. Namanya Batsyeba. Daud berbuat dosa dengan Batsyeba walaupun suaminya, Uria, adalah salah seorang askar Daud yang berani. Apabila Batsyeba memberitahu Daud bahawa dia hamil dengan anaknya, Daud tahu dosanya telah menimbulkan lebih banyak masalah.



13

Daripada mengakui dosanya kepada Tuhan, Daud cuba untuk menutup dosanya. Itu tidak pernah berkesan! Dia memanggil Uria pulang dari medan perang, berharap Uria akan menyangka bayi yang dalam kandungannya itu adalah miliknya. Tetapi Uria tidak akan tinggal di rumahnya sementara rakan-rakan askarnya sedang berperang. Uria tidur di depan pintu gerbang istana raja.



14

Jadi Daud melakukan perkara yang lebih jahat lagi. Dia menghantar Uria kembali ke medan perang dengan sepucuk surat. Surat itu memberitahu jeneral untuk memastikan Uria mati dalam pertempuran. Apabila Uria dibunuh, Daud mengambil Batsyeba menjadi isterinya.




15

Tuhan mengutus hamba-Nya, Natan, untuk menunjukkan kepada Daud dosanya. Natan memberitahu Daud tentang seorang orang kaya dan seorang yang sangat miskin. Orang kaya itu mempunyai ratusan ekor biri-biri. Tetapi orang miskin itu hanya mempunyai seekor anak domba kecil, yang dia hargai seperti anak perempuannya.



16

Apabila seorang musafir datang kepada orang kaya itu, orang kaya itu tidak mahu membunuh seekor pun daripada dombanya untuk memberinya makan. Sebaliknya, dia mengambil dan menyembelih anak domba orang miskin itu.



17

Daud marah dengan sikap mementingkan diri orang kaya itu. Dia berseru, "Orang yang melakukan ini harus dihukum mati."



18

"Engkaulah lelaki itu!" Natan dengan berani memberitahu Daud. Apa yang telah dilakukan oleh Daud jauh lebih buruk daripada apa yang dilakukan oleh orang kaya dalam cerita itu.



19

Tuhan menunjukkan kepada Daud betapa jahatnya dia. Dan Daud menyesali dosanya. Dia berkata kepada Tuhan: "Aku telah berdosa terhadap-Mu dengan melakukan kejahatan ini." Dan Tuhan mengampuni dosa Daud. Tetapi bayi Batsyeba sakit parah, dan meninggal tidak lama selepas dilahirkan.



20

Tuhan mengampuni Daud atas dosa yang besar. Kemudian Batsyeba melahirkan seorang lagi anak, Salomo, yang akan menjadi raja besar selepas Daud. Tetapi Raja Daud mempunyai banyak anak lain, beberapa di antaranya membawa kesedihan yang besar kepadanya.



21

Daud Sang Raja (Bahagian 2)

satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,
terdapat dalam
2 Samuel 1-12

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi terang, memberi pengertian kepada orang-orang bodoh." Mazmur 119:130

22

TAMAT

21



60

23

Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihinya kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah: Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

24